

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

**HMP 402 Aspek-Aspek Teori Linguistik Am Dan Penerapannya**

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNG **LIMA (5) SOALAN DI DALAM DUA (2) HALAMAN.**

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Bahagian A **MESTI** dijawab. Pilih **TIGA (3)** soalan daripada Bahagian B.

**BAHAGIAN A - [Wajib-jawab]**

1. Analisis data berikut mengikut 3 pendekatan yang berbeza iaitu strukturalis, transformasi generatif dan teori kuasaan dan tambatan.
  - [a] Kenapakah budak itu menangis?
  - [b] Budak itu menangis kenapa?
  - [c] Sudahkah dia berhenti menangis?

Bincangkan perbezaan di antara 3 pendekatan tersebut dengan menonjolkan kelebihan huraian TG daripada strukturalis. Juga tunjukkan kelebihan kuasaan dan tambatan daripada TG.

**BAHAGIAN B - [Jawab TIGA (3) soalan sahaja]**

2. Soalan ini mengandungi 3 bahagian. Jawab dengan tuntas beserta dengan contoh yang sesuai.
  - [a] Kaitkan perbezaan yang dibuat oleh de Saussure tentang la langue dan la parole kepada perbezaan yang digariskan oleh Chomsky di antara kompetens penutur dan perlakuannya.

- [b] Huraikan konsep relativiti bahasa yang diutarakan oleh Franz Boas dan relativiti bahasa oleh Wilhelm Humboldt yang ditanggapi oleh Hipotesis Sapir-Whorf.
- [c] Huraikan nilai linguistik (yakni menggunakan prinsip paradoks de Saussure) dengan data berikut. Nilai linguistik pada data ini merujuk kepada makna kata-kata berikut:

<u>Dialek Kedah</u>	<u>Bahasa Melayu</u>	<u>Bahasa Inggeris</u>
padi jawi	padi	rice
padi pulut		
beras	beras	
nasi	nasi	

Di dalam jawapan anda, buat perbandingan pada tahap intra-bahasa dan inter-bahasa.

3. Tahap-tahap perkembangan teori Transformasi Generatif boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu teori standard, teori standard tambahan, dan teori standard tambahan lanjutan. Bincangkan setiap perkembangan ini dari segi apa yang diubah/ditambah dan kenapa perubahan ini perlu.
4. Gelaran ‘Bapa linguistik moden’ diberikan kepada Ferdinand de Saussure kerana tokoh ini telah menjadikan kajian linguistik suatu kajian yang mengkhusus kepada sifat-sifat bahasa itu tersendiri (kajian sinkronik) berbanding dengan pengkaji bahasa sebelumnya. Mungkinkah gelaran yang serupa diberikan kepada Noam Chomsky? Jawapan anda (sama ada ya/tidak) mesti melibatkan perbandingan di antara kedua-dua tokoh ini.
5. Sepanjang ‘pengembaraan’ kita melalui jangka waktu abad ke-20 ini, pelbagai pendekatan kepada linguistik yang telah kita sentuh seperti Ferdinand de Saussure, mazhab Praha, mazhab London, Deskriptivis: Bloomfield, Hipotesis Sapir-Whorf, Tagmemik, Transformasi Generatif, dan akhir sekali Kuasaan dan Tambatan. Berikan satu keistimewaan sahaja bagi setiap pendekatan ini beserta dengan contoh yang sesuai.

--ooo000ooo--